

**ISU-ISU
KONTEMPORARI**

dalam

**Zakat, Wakaf dan
Filantropi Islam**

Editor

Najahudin Lateh, PhD

Muhamad Rahimi Osman, PhD

Ghafarullahhuddin Din, PhD

**ISU-ISU
KONTEMPORARI**
dalam
**Zakat, Wakaf dan
Filantropi Islam**

Editor

Najahudin Lateh, PhD
Muhamad Rahimi Osman, PhD
Ghafarullahhuddin Din, PhD

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA

Cetakan Pertama 2017

© Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Dekan, ACIS Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Diterbitkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
e-mel: acis@salam.uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Najahudin Lateh, 1974-

Isu-Isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam /
Najahudin Lateh, PhD, Muhamad Rahimi Osman, PhD, Ghafarullahhuddin Din, PhD
ISBN 978-967-0171-79-1

1. Zakat. 2. Islam-Charities. 3. Waqf. 4. Government publication-Malaysia.

I. Muhamad Rahimi Osman, 1961. II. Ghafarullahhuddin Din, 1961.

297.54

Dicetak di Malaysia oleh : Card Information Sdn. Bhd.

49, Jalan 31/10A

Taman Perindustrian IKS, Mukim Batu

68100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 603-4295 8009 Faks: 603-4297 8009

GOLONGAN GELANDANGAN DI MALAYSIA: ANTARA PERLUASAN TAFSIRAN ASNAF *IBNU AL-SABIL DAN AL-RIQAB*

Muhammad Ammar Harith Idris & Mohd Anuar Ramli
Universiti Malaya

PENDAHULUAN

Gelandangan merupakan fenomena sosial yang semakin berkembang masa kini. Kewujudan golongan ini adalah disebabkan pelbagai faktor yang menarik dan menolak. Antaranya adalah kemiskinan bandar, konflik keluarga, masalah sosial dan kesihatan mental. Kesannya, mereka mengambil jalan yang mudah untuk tinggal dan tidur di jalanan tanpa mengambilkira aspek kebersihan. Keadaan ini pastinya mengundang persoalan dan isu –isu fiqh yang berkaitan golongan ini, antaranya berkaitan zakat, iaitu satu sistem jaminan sosial berbentuk kehartaan. Ini kerana latar belakang keadaan mereka yang mengalami keadaan susah dan memerlukan bantuan untuk meneruskan kehidupan dilihat mempunyai beberapa persamaan dengan tafsiran asnaf-asnaf zakat seperti fakir miskin, ibnu sabil dan al-riqab sebagaimana yang telah ditentukan dalam syariat Islam. Justeru, kajian ini menfokuskan terhadap konsep gelandangan dan pentafsiran asnaf yang relevan dengan situasi yang mereka lalui. Bantuan zakat ini diharapkan dapat mengurangkan kelompok marginal di kota besar kesan kesenjangan ekonomi dan belenggu mental, di samping bukan bertujuan untuk menyuburkan golongan tersebut dan menambah populasi mereka. Tuntasnya, zakat hanyalah instrumen kewangan alternatif (di samping instrumen- instrumen lain yang disyariatkan seperti wakaf, sedekah dan juga peruntukan kerajaan dalam instrumen bantuan kebajikan) dalam bentuk bantuan segera kepada golongan *mustahiq* zakat.

KONSEP GELANDANGAN

Gelandangan telah didefinisikan dalam pelbagai pentafsiran selari dengan bidang penelitian. Menurut *Kamus Dewan* (2005), gelandangan berasal daripada perkataan Indonesia iaitu *ge-lan-dang* atau kata kerjanya *bergelandang* yang bermaksud berjalan ke sana sini tidak tentu tujuannya . Gelandangan menurut *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (2008) bermaksud orang yang tidak tentu tempat kediaman dan pekerjaannya . Dalam bahasa Inggeris, istilah yang berkaitan ialah *homeless* dan *vagrant*. Ia bermaksud tidak mempunyai tempat tinggal atau rumah yang tetap, tiada tempat perlindungan kerana kemiskinan, tinggal di jalanan. Selain itu, mereka juga dirujuk sebagai satu kelas bawahan dalam masyarakat (*Oxford English Dictionary Online*).

Secara umumnya, gelandangan ialah mereka yang tidak mempunyai kediaman, keluaran institusi seperti penjara atau hospital mental, kurang kemahiran komunikasi dan sosial, berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain, gemar mengambil kerja secara sementara dan tidak mempunyai tempat untuk bergantung (Daly,1996). Secara khususnya, gelandangan ialah mereka yang mempunyai masalah dari sudut ekonomi dan pemilikan rumah. Polisi kerajaan seperti

penstrukturkan semula ekonomi (deindustrialisasi) dan program pembentukan semula badan-badan kebajikan (deinstitusi) mengundang kepada lambakan golongan yang tidak berumah dan tinggal di jalanan (Wolch et al.,1988).

Dari segi kesihatan, gelandangan dikaitkan dengan penyakit-penyakit dan keskes jenayah berbanding mereka yang menumpang atau berada di tempat perlindungan. (Hwang,2001. Mereka juga menderita dengan gaya kehidupan secara bersendirian, kurang jaringan sosial dan tidak mendapat sokongan daripada masyarakat. Kesannya, ia gagal mengubah mereka kearah yang lebih positif (Ferrari et al., 2016).

Dari segi perundangan, akta yang terlibat ialah Akta 183 Akta Orang-Orang Papa 1977. Ia berfungsi untuk melindungi, memulihkan dan mengawal golongan papa serta kutu rayau daripada mendatangkan masalah. Golongan papa ialah mereka yang mengemis, meminta sedekah di kawasan awam sehingga menimbulkan perasaan kurang senang masyarakat, berpeleseran, serta tidak mempunyai pekerjaan dan kediaman yang tetap. Di Malaysia, gelandangan turut termasuk dalam kategori golongan papa serta undang-undang terhadap mereka juga dikuatkuasakan melalui akta tersebut.

LATAR BELAKANG GOLONGAN GELANDANGAN DI MALAYSIA

Gelandangan ialah mereka yang berada dalam kelompok marginal dan pengasingan sosial (*social exclusion*) yang berkait dengan kesukaran hidup dari aspek ekonomi seperti kadar pendapatan di bawah paras pendapatan per kapita (Sudhir, 1977) atau Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) menurut ukuran kebiasaan di Malaysia (Jamil & Mat, 2014). Gelandangan termasuk dalam definisi kemiskinan secara relatif (Wratten, 1995). Mereka juga sebahagian daripada kumpulan miskin bandar (Damsar & Indrayani, 2017), iaitu ketidakmampuan seseorang untuk mengakses sumber daya yang berada di sekitarnya sehingga mengalami kekurangan dalam memenuhi keperluan hidupnya (Rustanto, 2015). Gelandangan di Malaysia juga menepati konsep kemiskinan dari sudut sosio-ekonomi (Hasan, 2012). Jumlah ini dapat dilihat dalam jadual 1.

Berdasarkan jadual 1, statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bermula pada tahun 2009, seramai 1,934 orang dikenal pasti sebagai gelandangan (orang papa/pengemis), 2010 seramai 1,434 orang, 2011 seramai 1446 orang, 2012 seramai 1,223 orang, 2013 seramai 1048 orang, 2014 seramai 1469 orang, 2015 seramai 1,527 orang, dan 2016 meningkat kepada 2278 orang. Jumlah ini dilihat semakin bertambah terutamanya di bandar-bandar besar dalam negara seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Johor.

Dalam kajian profil yang dilakukan JKM pada tahun 2012 ke atas 1,378 orang, faktor utama gelandangan adalah ketiadaan pekerjaan yang menunjukkan jumlahnya sebanyak 646 orang atau 46.6%. Faktor kedua pula adalah disebabkan oleh kemiskinan dan berpendapatan rendah sejumlah 245 orang yang membawa kepada 17.7% (dinukil dalam Drani, 2016). Kebanyakan gelandangan yang dijumpai di jalanan dan pusat perlindungan ialah mereka yang berumur 30-60 tahun (Alhabshi dan Abdul Manan (2012) (Mohamad et al.,2016). Secara relatifnya kebanyakan mereka adalah berbangsa Melayu selari dengan majoriti etnik tersebut di dalam negara ini.

Jadual 1: Jumlah Orang Papa dari tahun 2009-2016

Tahun	Kuala Lumpur	Warganegara	Bukan Warganegara	Jumlah
2009	193	1,687	247	1,934
2010	314	1,181	253	1,434
2011	437	1140	306	1446
2012	239	937	286	1,223
2013	210	854	194	1048
2014	424	1088	381	1469
2015	215	1115	412	1,527
2016	348	1610	668	2278

Sumber: JKM, 2017

Antara faktor kewujudan gelandangan adalah seperti institusi kekeluargaan yang tidak terurus, kehilangan pekerjaan, kehilangan kediaman, kemiskinan dan masalah moral (Yani et al., 2016). Faktor kesihatan seperti ketagihan alkohol (Beer et al., 2011), schizophrenia, tuberculosis, AIDS, hipertension, diabetes, jangkitan pada saluran respiratori (pernafasan), pergigian serta penyakit-penyakit lain yang berpunca daripada stress atau tekanan (Holden, 1988). Selain itu, faktor sindrom paranoid menyebabkan mereka takut untuk terdedah kepada masyarakat serta memulakan cara hidup baru. Di Malaysia, permasalahan pada mental membentuk suatu pola pemikiran sehingga menyebabkan mereka seolah-olah akur, selesa dan seronok dengan gaya kehidupan gelandangan (Anwar et al., 2016).

Majoriti gelandangan terdiri daripada mereka yang tidak berpendapatan, manakala sebahagian yang lain bekerja dengan skala pendapatan yang rendah (Oria et al., 2014). Terdapat sebahagian yang bekerja, namun sengaja memilih tidur di jalanan atas dasar penjimatan, kurang komitmen serta kewujudan lokasi yang dijadikan tempat berehat pada waktu malam (Ismail & Turiman, 2016). Ini menunjukkan bahawa bukan semua daripada mereka mengalami unsur kemiskinan. Ia juga membuktikan bahawa kewujudan gelandangan di Malaysia disebabkan dua faktor utama iaitu ekonomi dan kesihatan mental. Mereka dibelenggu masalah kewangan, gaya pemikiran serta keperibadian.

Terdapat dua jenis kawasan yang menjadi tumpuan gelandangan iaitu terlindung dan terbuka. Kawasan yang terlindung ialah kawasan yang disediakan khusus kepada golongan ini seperti pusat-pusat transit dan perlindungan. Fungsinya adalah sebagai pusat kajian komuniti gelandangan, pemulihan dan pendidikan dengan matlamat mengubah nasib golongan ini ke arah yang lebih baik (Dordick 1996). Antara pusat transit dan perlindungan yang terdapat di sekitar bandaraya Kuala Lumpur adalah seperti Pusat Transit Gelandangan di Jalan Pahang dan Medan Tuanku serta Anjung Singgah di Jalan Hang Lekiu (YKNM, 2017).

Gelandangan turut terdapat di kawasan-kawasan yang terbuka. Kebiasaannya tempat tidur gelandangan terbahagi kepada dua iaitu di pusat perlindungan dan satu lagi adalah sebaliknya (Jencks, 1995). Ia juga berbeza berdasarkan perbezaan gaya kehidupan mereka (Wallace, 1968). Misalnya, warga emas memilih tempat tidur yang lebih kondusif. Bagi golongan yang ketagihan alkohol, mereka memilih kedai-kedai yang menjual arak untuk dijadikan tempat tidur berbanding pusat perlindungan.

Di Malaysia, gelandangan memilih beberapa lokasi yang boleh dijadikan tempat berteduh dan mendapat simpati masyarakat seperti lorong belakang, kaki lima kedai komersil dan bawah jambatan (Usman et al., 2016). Pemilihan lokasi berbeza mengikut gender, di mana kaum lelaki memilih untuk tidur di kawasan seperti lantai pada pintu masuk kedai, berbumbung dan mempunyai tiang. Kaum wanita memilih kawasan yang selamat seperti hotel-hotel murah sekiranya mampu, kuil-kuil atau rumah ibadat yang lain (Alhabshi & Manan, 2012). Di bandaraya Kuala Lumpur, antara kawasan kebiasaan golongan ini adalah seperti di Mydin Kotaraya, Masjid Negara, Central Market, Menara Maybank, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Masjid India, Jalan Tiong Nam (Chow Kit), Jalan Silang, Masjid Jamek, Bank Negara, Bulatan Sultan Mohamad dan Dataran Merdeka. Dengan ini, ia menunjukkan lokasi kebiasaan gelandangan adalah berdasarkan kepada kehendak mereka sendiri.

Gaya kehidupan gelandangan adalah jelas berbeza dan bercanggah dengan norma-norma kemanusiaan yang sihat. Insan yang normal sentiasa berhajat kepada kesempurnaan, kebersihan dan kebaikan dalam setiap perkara. Ciri-ciri seperti tiada kediaman yang tetap serta selesa tidur di kawasan yang tidak terjamin kebersihannya, menzahirkan perbezaan dengan orang yang normal dan sihat. Perbezaan ini menjadikan mereka sebagai kelompok terasing yang mengalami penyakit dari sudut mental, fizikal dan sosial. Malah belenggu minda mereka perlu dipulihkan semula supaya kemahuan untuk berhijrah ke kehidupan yang lebih baik dan bertanggungjawab dapat dibentuk.

CADANGAN PERUNTUKAN ASNAF KEPADA GOLONGAN GELANDANGAN

Antara permasalahan fiqh yang timbul bagi golongan ini adalah dari sudut penentuan asraf zakat. Namun begitu, penentuan ini perlu dilakukan dengan berhati-hati kerana zakat merupakan peruntukan yang khusus kepada golongan yang spesifik sahaja dan tidak terbuka kepada semua golongan penerima (Nurul Huda et al., 2015). Gelandangan merupakan golongan yang dihimpit kemiskinan disebabkan tiada pekerjaan yang tetap, pendapatan yang tidak mencukupi, kekurangan aset dan tahap kesihatan yang teruk (Shelton, 2009). Ringkasnya, mereka bermasalah dari segi ekonomi (kewangan) dan kesihatan (mental). Ia mendorong diri mereka untuk berasa selesa dengan gaya kehidupan sedemikian serta memilih untuk berada di jalanan. Menurut perspektif sosial, golongan yang menetap, merempat dan mengemis di jalanan dianggap sebagai mereka yang tidak bernasib baik serta serba kekurangan (Phelan et al., 1997). Terdapat dalil daripada al-Quran yang menjadi asas kepada kewajipan pemberian zakat ke atas golongan asraf. Firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah: 60:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan.

Dalam ayat 60 surah al-Taubah, Allah SWT menjelaskan empat asraf yang awal iaitu fakir, miskin, amil, dan muallaf dengan digunakan perkataan 'li'. Manakala empat asraf berbaki iaitu al-riqab, al-gharimin, sabillillah dan ibnu sabil, digunakan

perkataan 'fi'. Perbezaan pengkategorian asraf tersebut adalah merujuk kepada jenis maslahah bagi setiap golongan (al-Qurtubi, 2006). Dalil-dalil di atas menunjukkan bahawa wujudnya golongan yang ditimpakan kesusahan dalam kalangan manusia. Salah satunya ialah golongan yang dihimpit dengan kemiskinan serta kefakiran.

Tarimin (2005) telah mengklasifikasi semula lapan bahagian tersebut kepada tiga kategori atau asas agihan iaitu: 1. Agihan berdasarkan keperluan. Ia termasuklah fakir, miskin, hamba, si berhutang dan ibn sabil. 2. Agihan berdasarkan pemupukan dan galakan hidup beragama dan moral. Ia termasuklah muallaf dan fi-sabilillah. 3. Agihan berdasarkan insentif dan motivasi terhadap pengurus zakat. Ia termasuklah amil.

Terdapat beberapa pandangan ahli tafsir dalam memberikan definisi fakir dan miskin (Ibn Jarir, 1994). Pandangan pertama menyatakan fakir ialah mereka yang mengalami kesusahan namun tidak sampai tahap meminta-minta sementara miskin pula meminta bantuan orang lain. Pandangan kedua, keadaan fakir adalah lebih teruk berbanding miskin kerana mereka kekurangan aspek fizikal. Pandangan ketiga, golongan fakir ialah orang-orang yang berhijrah (muhibbin) sementara golongan miskin ialah mereka yang tidak berhijrah. Berpendapat bahawa pandangan pertama adalah lebih tepat. Berdasarkan kaitan di antara perkataan miskin dengan lafaz مسكنة yang menonjolkan sifat tercela iaitu meminta-minta, Ibn Jarir (1994) berpandangan golongan miskin adalah lebih teruk keadaannya berbanding fakir.

Fakir dan Miskin

Dari segi bahasa, menurut Ibn Manzur (t.t.), الفقراء maksud berlawanan dengan sifat kaya iaitu serba lemah dan kekurangan. Ia juga merujuk kepada keadaan di mana seseorang itu kehilangan sesuatu yang diperlukan dalam kehidupan (al-Jurjani, t.t.). Manakala المساكين bermaksud mereka yang tidak mempunyai sesuatu, tidak mencukupi keperluan diri, sedikit pergerakan dan lemah (al-Fairuzabadi, 2005). Sarjana bahasa berselisih pendapat dalam mentakrifkan kedua-dua perkataan tersebut. Pandangan pertama mengatakan miskin ialah mereka yang tidak mempunyai apa-apa dan keadaan mereka lebih teruk berbanding fakir (al-Fayyūmī, t.t.). Pandangan kedua daripada al-Asma'ie mengatakan miskin lebih baik berbanding fakir manakala Ibn al-Arabi menyimpulkan kedua-duanya mempunyai keadaan yang sama.

Fuqaha turut berbeza pandangan dalam menentukan definisi fakir dan miskin. Dalam mazhab Maliki, terdapat dua pandangan yang mentafsirkan golongan fakir dan miskin. Pandangan pertama menyatakan fakir sebagai mereka yang memiliki harta tetapi tidak mencukupi kadar keperluan asasi, sementara miskin pula ialah mereka yang tidak memiliki harta langsung. Pandangan kedua pula menyatakan kedua-duanya adalah sama ('Ulaysh, 1984).

Dalam mazhab Hanafi pula, terdapat beberapa pandangan antaranya daripada al-Hasan yang menyatakan miskin lebih teruk kerana meminta-minta berbanding fakir. Pandangan kedua daripada Qatadah, mengatakan golongan fakir lebih teruk kerana ditimpakan kesusahan yang berpanjangan berbanding miskin yang sementara. Pandangan ketiga menyatakan fakir lebih baik kerana memiliki harta

yang mencukupi keperluan asasi, manakala miskin pula ialah mereka yang tidak mempunyai sebarang harta (al-Kasani, 2003).

Dalam mazhab Syafié, fakir ialah mereka yang tidak mempunyai harta dan tidak mampu menampung diri untuk keperluan asasi. Manakala miskin ialah mereka yang mempunyai harta namun tidak mencukupi keperluan asasi. Tafsiran yang sahih ialah golongan fakir adalah lebih teruk keadaannya berbanding miskin (al-Nawawi, 2002). Manakala dalam mazhab Hambali, fakir ialah mereka yang tidak mempunyai harta atau tidak mempunyai separuh daripada ukuran keperluan asasi (had al-kifayah). Miskin pula ialah mereka yang hanya mencapai separuh atau lebih sedikit daripada had al-kifayah tersebut namun belum sempurna sepenuhnya (al-Bahuti, 1993).

Perbezaan yang berlaku di antara fuqaha ini adalah dari aspek kewujudan harta dan pendapatan. Selain itu, ia juga berkenaan status harta yang dimiliki sama ada diukur berasaskan nisab ataupun kemampuan untuk menampung perbelanjaan diri dan keluarga. Menurut al-Qaradawi (1994), beliau berpegang dengan pandangan jumhur bahawa golongan fakir dan miskin merupakan dua kategori asnaf yang berbeza dari segi istilah, namun serupa pada status iaitu, terdesak dan memerlukan. Ini juga dapat dikaitkan dengan gelandangan, di mana tahap kesukaran yang dialami oleh mereka berbeza-beza, namun berkongsi status yang sama sebagai golongan marginal yang bermasalah dari sudut kewangan dan integrasi sosial.

Bagi situasi di Malaysia, pandangan-pandangan dalam mazhab Syafie diberikan keutamaan untuk diaplikasikan dalam sebarang urusan yang melibatkan pelaksanaan hukum fiqh. Dalam hal pentafsiran asnaf, kedudukan golongan fakir di Malaysia adalah lebih rendah dan memerlukan berbanding golongan miskin.

Menurut al-Qaradawi (1994), keadaan fakir dan miskin yang layak mendapat bantuan zakat dapat ditentukan melalui salah satu daripada tiga kriteria seperti:

1. Tidak memiliki harta dan pendapatan langsung.
2. Memiliki harta dan pendapatan namun tidak mencukupi untuk menanggung keperluan dirinya dan ahli keluarganya. Tidak mencapai 50% kadar kemampuan perbelanjaan.
3. Memiliki harta dan pendapatan serta mencapai kadar 50% kemampuan perbelanjaan ataupun lebih namun masih belum sempurna.

Merujuk kepada kenyataan di atasnya, umumnya gelandangan memenuhi kriteria untuk menerima zakat di bawah asnaf fakir dan miskin. Berdasarkan pengurusan zakat di Malaysia, kumpulan beberapa aspek yang dipanggil sebagai had al-kifayah dijadikan ukuran kemiskinan sama ada termasuk di bawah kategori miskin. Antara aspek tersebut adalah:

1. Perlindungan. Setiap perbelanjaan untuk menyediakan perlindungan seisi rumah seperti sewa rumah, bil air, bil elektrik dan lain-lain yang berkaitan.
2. Makanan. Segala bahan makanan dan minuman yang diperlukan oleh seisi rumah (dalam dan luar rumah).
3. Pakaian. Segala bentuk pakaian yang digunakan oleh seisi rumah seperti pakaian sekolah, kerja dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

4. Perubatan. Segala bentuk perubatan yang diambil oleh seisi rumah seperti hospital awam, farmasi dan lain-lain yang berkaitan.
5. Pendidikan. Segala kos pendidikan seisi rumah seperti yuran pengajian, buku dan lain-lain yang berkaitan.
6. Pengangkutan. Segala kos berbayar seisi rumah seperti kos tambang dan lain-lain yang berkaitan (MAIWP, 2017).

Berdasarkan kepada had al-kifayah tersebut, secara umumnya gelandangan termasuk dalam tafsiran asnaf fakir dan miskin kerana mereka tidak mencapai sepenuhnya aspek-aspek tersebut. Namun begitu, dalam kajian ini pengkaji cenderung untuk meletakkan mereka dalam tafsiran asnaf al-riqab dan ibn sabil. Hal ini disebabkan mereka boleh dibantu dalam dua jangka masa, iaitu sementara dan jangka pendek. Bantuan jangka sementara boleh diletakkan dibawah asnaf ibn sabil, sedangkan bantuan jangka pendek diletakkan di bawah asnaf al-riqab.

Ibnu al-Sabil

Ibnu sabil terdiri daripada dua perkataan iaitu ابن السبيل yang bermaksud sesuatu yang dilahirkan dan سبيل yang bermaksud jalan (al-Jurjānī, t.t.). Takrifan secara bahasa merujuk kepada seseorang yang dilahirkan atau tercipta di jalanan. Dalam erti yang lain, mereka bersifat jalanan iaitu terkandas semasa dalam tempoh musafir akibat ditimpa kesusahan (al-Fairuzabadi, 2005).

Terdapat beberapa dalil al-Quran yang menyatakan pemberian ke atas golongan ibnu sabil sama ada berkenaan pembahagian 1/5 daripada ghanimah ataupun zakat. Antaranya adalah firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 41:

Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapat sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah dan untuk RasulNya dan untuk kerabat (Rasulullah) dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta ibnus-sabil (orang musafir yang keputusan)

Menurut Ibn Jarir (1994), lafaz ibnu sabil ditafsirkan sebagai orang yang bermusafir dan terputus bekalan kewangan semasa dalam tempoh perjalannya. Fuqaha mazhab turut memberi takrifan ibnu sabil. Menurut mereka, ibnu sabil ialah mereka yang pada asalnya berharta, namun ditimpa kemiskinan akibat kehilangan punca kewangan, semasa dalam tempoh musafir yang bertujuan kebaikan (al-Hattab, t.t.; al-Kasani, 2003; al-Shirazi, 1992; al-Bahuti, 1993).

Menurut al-Qaradawi (1994), beliau berpandangan bahawa pemberian zakat ke atas golongan ibnu sabil dan bermusafir adalah lebih utama sekiranya ia bertujuan ketaatan. Ianya dianggap sebagai ganjaran atas tujuan kebaikan yang dilakukan.

Tafsiran ibnu sabil ini dilihat mempunyai persamaan dengan salah satu daripada ciri-ciri gelandangan. Keadaan ibnu sabil yang terputus bekalan semasa dalam tempoh musafir dilihat mempunyai persamaan dengan gelandangan. Tiada sumber kewangan untuk meneruskan perjalanan menyerupai keadaan gelandangan yang berada di jalanan kerana tiada sumber pendapatan yang stabil bagi memiliki kediaman tetap. Ia menimbulkan kesukaran kepada mereka untuk menjalani

kehidupan seperti masyarakat biasa. Bantuan zakat yang diberikan ke atas golongan ibnu sabil adalah bersifat segera atau sementara iaitu bertujuan membantu golongan ini pulang semula ke tempat asal mereka. Oleh itu, bentuk agihan zakat ke atas gelandangan di bawah asnaf ini juga perlulah bersifat segera sebagai memenuhi keperluan asasi atau had al-kifayah yang telah ditetapkan.

Al-Riqab

Dari segi bahasa, **الرِّقَابُ** berasal daripada perkataan رقبة yang bermaksud penghujung tengkuk atau leher (al-Razi, 1986). Selain itu, ia juga membawa maksud hamba. Secara umumnya, fuqaha klasik berpandangan bahawa lafaz al-riqab merujuk kepada hamba mukatab iaitu yang mempunyai perjanjian dengan tuannya untuk dibebaskan (al-Kasani, 2003)(al-Nawawi, 2002) dan juga hamba sahaya (al-Bahuti, 1993). Dengan pemberian zakat ini, mereka bebas daripada keadaan perhambaan yang mengikat dan membelenggu diri mereka.

Manakala sarjana terkemudian seperti Rashid Ridha (1368H) berpandangan tafsiran al-riqab boleh diperluaskan lagi dengan melihat kepada unsur belenggu dalam situasi hamba tersebut. Menurutnya, pembebasan bangsa daripada sebarang bentuk penjajahan kuasa asing turut termasuk dalam tafsiran al-riqab. Unsur perhambaan dan belenggu ini wujud apabila sesuatu bangsa itu dipaksa menuruti setiap pelaksanaan pemerintahan pihak penjajah. Dengan itu, dana zakat di bawah asnaf al-riqab boleh digunakan untuk tujuan kemerdekaan (Azman et al., 2014). Berbeza dengan al-Qaradawi (1994) yang mana beliau lebih berhati-hati dalam memperluaskan tafsiran al-riqab kerana bimbang ianya bercanggah daripada maksud yang asal dan berpandangan ia termasuk di bawah kategori fi sabilillah.

Bagi situasi di Malaysia, kebanyakan institusi zakat di dalam negara ini berpegang dengan pandangan untuk memperluaskan konsep al-riqab. Ini dapat dilihat menerusi definisi al-riqab yang dinyatakan oleh institusi zakat negeri seperti Wilayah Persekutuan dan Selangor. Menurut takrifan di Wilayah Persekutuan, al-riqab ialah mereka yang dicengkam perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi fizikal atau mental. Bagi negeri Selangor pula, al-riqab ialah mereka yang dibelenggu oleh suatu kuasa atau keadaan yang menghalang diri mereka untuk menjalani kehidupan dengan lebih baik. Kedua-dua definisi tersebut menzhairkan unsur cengkaman atau belenggu yang menghalang perubahan diri seseorang ke arah yang lebih baik sebagaimana keadaan hamba.

Definisi asnaf di bawah kategori al-riqab perlu diperluaskan lagi memandangkan banyak tumpuan bantuan zakat oleh institusi zakat hanya tertumpu kepada asnaf fakir dan miskin serta fi sabilillah. Perluasan definisi ini perlu seiring dengan perkembangan semasa terutamanya dalam melepaskan belenggu manusia bukan sahaja dalam aspek hamba sahaya seperti perbincangan tradisional teori agihan zakat malah perlu juga meliputi aspek belenggu lain yang telah dikenalpasti oleh kebanyakan institusi zakat seperti penagihan dadah dan gejala sosial (Ishak et al., 2016).

Dalam perihal gelandangan, unsur dibelenggu itu dapat dilihat menerusi penyakit pada pemikiran negatif mereka. Mereka seolah-olah diikat, dicengkam dan dikawal oleh gaya pemikiran gelandangan (Mahmood Zuhdi, 2017). Ia menimbulkan keselesaan kepada golongan ini untuk meneruskan gaya kehidupan

seperti tidur di jalanan, tidak mempunyai kediaman tetap dan sentiasa mengharapkan bantuan. Secara tidak langsung, penyakit ini juga mengekang diri mereka untuk berubah kepada keadaan yang lebih baik. Tambahan pula, ia turut berpotensi menjadi penyakit sosial yang merebak kepada masyarakat umum terutamanya golongan yang dihimpit kemiskinan. Satu usaha yang bersifat intensif dan rehabilitasi perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah gelandangan ini daripada merebak. Oleh itu, dana zakat di bawah asnaf al-riqab boleh digunakan untuk mengatasi masalah gelandangan dalam jangka pendek agar kelompok marginal ini dapat kembali dalam masyarakat.

PENUTUP

Gelandangan merupakan kumpulan masyarakat marginal yang mengalami masalah dari sudut material dan mental. Mereka mengalami masalah kewangan disebabkan pelbagai faktor di samping gangguan jiwa yang menyebabkan mereka berasa selesa dengan gaya kehidupan sedemikian serta sukar berubah kepada normal. Secara tidak langsung, ia membentuk suatu pemikiran negatif dalam kalangan masyarakat apabila gaya kehidupan sedemikian menjadi alternatif untuk memenuhi kepentingan diri dan bebas daripada sebarang komitmen. Belenggu pemikiran ini perlu dipulihkan untuk mengatasi masalah ini selain mencegah peningkatan populasi mereka di bandar-bandar utama dalam negara.

Dari aspek pengagihan zakat, tafsiran kategori asnafnya bersifat terbuka dan tidak tertakluk di bawah satu kategori asnaf sahaja. Pengagihan zakat ke atas mereka boleh menggunakan dana zakat di bawah kategori asnaf yang berbeza. Misalnya, menggunakan dana zakat di bawah kategori asnaf ibnu sabil dan al-riqab. Asnaf ibnu sabil dikaitkan dengan keadaan gelandangan yang tidak mempunyai sumber kewangan yang stabil untuk menyara kehidupan mereka dan hidup di jalanan. Begitu juga dengan asnaf al-riqab yang dikaitkan dengan gelandangan yang dibelenggu pemikiran dankekangan kewangan.

Selain itu, bantuan zakat ini juga terbahagi kepada dua tempoh masa iaitu sementara dan pendek. Pemberian zakat dalam jangka masa sementara adalah sebagai bantuan segera kepada gelandangan yang berada dalam keadaan terdesak dan memerlukan. Misalnya pengagihan makanan oleh pihak-pihak kebajikan dan sukarelawan serta rawatan kesihatan secara percuma. Hal ini demikian kerana, makanan dan kesihatan termasuk dalam kategori daruriyyat iaitu salah satu daripada keperluan asasi. Makanan dan kesihatan yang tidak teratur akan mendorong mereka kepada keadaan yang lebih teruk. Bantuan dalam bentuk-bentuk berkenaan boleh menggunakan dana zakat yang bersifat sementara di bawah kategori ibnu sabil

Manakala zakat jangka masa pendek ialah bantuan khusus untuk membantu gelandangan berubah kepada keadaan yang lebih baik serta mengatasi masalah gelandangan di negara ini. Misalnya, penubuhan pusat pemulihan seperti Kem Bina Diri yang bertujuan memulihkan mental dan mengembalikan semangat gelandangan bagi memulakan hidup yang baru. Dana zakat yang akan digunakan juga perlulah bersifat jangka masa pendek dan bukannya sementara. Kategori asnaf al-riqab dilihat bersesuaian dengan tujuan asal pemberiannya adalah untuk mengeluarkan seseorang itu daripada belenggu pemikiran yang mengikat diri mereka. Pemulihan pemikiran dan mental individu memerlukan tempoh masa kerana ia melibatkan beberapa modul yang intensif. Bagi mendapatkan kesan yang baik, proses pemulihan perlu dilakukan secara

berperingkat. Ianya tidak dapat dilakukan secara drastik kerana bertentangan dengan fitrah manusia yang memerlukan beberapa fasa untuk berubah sepenuhnya. Justeru, ia tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang sementara berbeza dengan zakat ke atas ibn sabil.

Di samping itu, perlu ditekankan juga bahawa pengagihan zakat bukanlah sekadar untuk merawat permasalahan ini. Rawatan hanyalah bersifat sementara dan ia perlu dirancang sebaiknya bagi mengatasi punca masalah. Jika tidak, bantuan yang diberikan ini hanya akan mengekalkan keadaan mereka sedemikian bahkan menambahkan lagi jumlah mereka. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, masalah gelandangan ini merupakan satu penyakit sosial yang terhasil daripada gejala material dan belenggu mental. Golongan ini berasa selesa dengan gaya kehidupan sedemikian dan menganggapnya suatu perkara yang normal. Oleh itu, usaha perlu dilakukan bagi memulihkan pemikiran sebegini sebagai pencegahan kepada masalah kewujudan gelandangan.

Tuntasnya, kerjasama di antara agensi kerajaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan badan bukan kerajaan serta pusat zakat negeri dilihat dapat membantu mencapai matlamat masing-masing untuk mengatasi masalah ini. Dengan kerjasama pintar ini juga, ia dapat membantu menyelesaikan beberapa masalah seperti mengurangkan jumlah gelandangan yang berpeleseran dan tidur di jalan-jalan serta seterusnya mengecilkan jumlah miskin bandar di dalam negara ini. Oleh itu, kewujudan golongan ini perlu ditangani segera agar tiap lapisan anggota masyarakat di Malaysia dapat menikmati kesejahteraan sosial.

RUJUKAN

- Ahmad Yani, N.M., Zahari, N.Z., Abu Samah, N.F.H., Mohamed Azahar, M.A.F., Yasin, S.M., Ahmad Saman, M.S. & Mohd Noor, N.A., 2016. Factors associated with homelessness and its medical issues among urban Malaysians: a qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences* 1, no. 1, 46-58.
- Akta 183 Akta Orang-Orang Papa, 1977, <http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Akta%20Orang%20Papa.pdf>
- Alhabshi, S.M. & Manan, A.K.A., 2012. Homelessness in Kuala Lumpur:A Case of Agenda Denial”, *International Journal of Social Science Tomorrow* Vol. 1 No.2, 4.
- Anwar, O.M., Hussin, T.M.A.R., Zakaria, Z. & Rashid, R.A., 2016. "Factors Of Vagrancy: Lessons Learnt From Field Evidence In Malaysia." *Man in India* 96(9):3233-3239.
- Azman, A.R., Rosman, A.S. & Rahman, M.F.A. 2014. Pelaksanaan Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Ar-Riqab Di Malaysia. *Muktamar Waqf Iqlimi* 2014, 86-100.
- Al-Bahuti, Mansur bin Yunus bin Idris, 1993. *Sharh Muntaha al-Iradat*. Beirut: Älam al-Kutub.
- Beer, A., Baker, E., Mallett, S., Batterham, D., Pate, A. & Lester, L., 2011. Addressing homelessness amongst persons with a disability: Identifying and enacting best practice, Report on FaHCSIA National Homelessness Research Project, The University of Adelaide, September 2011.
- Constance Holden, 1988. “Health Problems of the Homeless”, *Science*, New Series, Vol. 242, No. 4876, 189.
- Dadds, M.R., Braddock, D., Cuers, S., Elliott, A. & Kelly, A., 1993. "Personal and family distress in homeless adolescents." *Community Mental Health Journal* 29, no. 5, 420.
- Daly, G. 1996. *Homeless: Policies, Strategies and Lives on the Street*, London and New York: Routledge.
- Damsar & Indrayani. 2017. *Pengantar Sosiologi Perkotaan*. Jakarta: Kencana.

- Dordick, G.A., 1996. "More than refuge: The social world of a homeless shelter." *Journal of Contemporary Ethnography* 24, no. 4: 374.
- Drani, S. 2016. Dinamik Kehidupan Golongan Gelandangan Di Pulau Pinang. Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia.
- Al-Fairuzabadi, Majd al-Din Muhammad bin Ya'qub, 2005. *al-Qamus al-Muhit*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Fayyumi, Ahmad bin Muhammad 'Ali al-Muqri, t.t., *Misbah al-Munir*, ed. 'Abdul Azim Shanawi. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ferrari, J.R., Drexler ,T. & Skarr, J., 2015. "Finding Spiritual Home:A Pilot Study on the Effects of Spirituality Retreat and Loneliness among Urban Homeless Adults", *Psychology*.
- Hasan, N., 2012. "Potensi pelaksanaan bank makanan di Malaysia sebagai satu bentuk jaminan sekuriti makanan bagi golongan miskin. PhD diss., Universiti Malaya.
- Al-Hattab, Abi Abdullah Muhammad bin Muhammad al-Ruyani, t.t. *Mawahib al-Jalil li Sharh Mukhtasar al-Khalil*. Dar Álam al-Kutub.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail bin Umar al-Dimasyqi, 1998. *Tafsir al-Quran al-Ázim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ílmiyyah.
- Ibn Manzur, t.t. *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ishak, K., Cahyono, I.M.D., Wahid, H. & Ahmad, S., 2016. Cadangan Bantuan Zakat Asnaf Al-Riqab Terhadap Banduan Melalui Latihan Vokasional Di Penjara: Kajian Di Penjara Wanita Kajang, Selangor. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, vol. 7, 39-51.
- Ismail, W.H.W. & Turiman, J. 2016. "Physical Characteristics of Resting Places for the Homeless in Johor Bahru City Centre." *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 222, 911.
- Jamil, N. & Mat, S.H.C., 2014. "Realiti kemiskinan: Satu kajian teoritikal." *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48, no. 1, 168.
- Jencks, C. 1995. *The homeless*. Massachusetts: Harvard University Press.
- JKM. 2017. Laporan Statistik Tahunan 2009-2016, http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full2&id=U0dpTUVpRXlyYUIFVFFLUmVnUVJUdz09&menu_id=R3FNa05sRjVTWUc5dy80VEUXU2VNQT09/ diakses pada 11 November 2017.
- Al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad Sayyid al-Sharif, t.t. *Mujam al-Ta'rifat*. Kaherah: Dar al-Fadilah.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*. 2008. Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi ke-IV, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Kasani, Ála' al-Din Abi Bakr bin Mas'ud al-Hanafi, 2003. *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ílmiyyah.
- Lamb, H. & Lamb, M. 1990. Factors contributing to homelessness among the chronically and severely mentally ill.", Hosp Community Psychiatry. 41(3):301-5.
- Lee, B.A. & Schreck, C.J. 2005. "Danger on the streets: Marginality and victimization among homeless people." *American Behavioral Scientist* 48, no. 8, 1056.
- LZS, 2017. <http://www.zakatselangor.com.my/info-agihan/info-agihan-2/> dicapai 8 November 2017.
- Majid. 2017. Temubual bersama Prof Emeritus Dato Dr. Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dengan pengkaji pada 20 Oktober 2017.
- MAIWP, 2017. "had al-kifayah wilayah persekutuan", laman web, dicapai 26 Oktober 2017, <http://maiwp.gov.my/i/index.php/en/had-al-kifayah>

- MAIWP, 2017. <http://www.zakat.com.my/info-zakat/golongan-penerima-zakat/> dicapai 8 November 2017
- Mohamad, M.S., Ismail, K., Subhi, N. & Omar, N.H., 2016. "Hubungan di antara Kesihatan Mental dengan Minat Kerjaya dalam kalangan Gelandangan di Kem Desa Bina Diri, Malaysia." *Akademika* 86, no. 1, 16.
- Al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya bin Sharaf al-Dimasyqi, 2002. *Raudah al-Talibin*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Nurul Huda, Novarini, Mardoni, Y. & Permatasari, C. 2015. *Zakat Perspektif Mikro-Makro: Pendekatan Riset*, Jakarta: Kencana.
- Oria P.A.S., Ahmad, N. & Hamsan, H.H., 2014. "NGOS And The Homelessness In Kuala Lumpur: Towards Moralistic Trust." *Jati-Journal Of Southeast Asian Studies* 19 (1). pp. 117-127.
- Oxford English Dictionary*. OED Online. dicapai 24 September 2016.
- Phelan, J., Link, B.G., Moore, R.E. & Stueve, A., 1997."The stigma of homelessness: The impact of the label" "homeless" on attitudes toward poor persons." *Social Psychology Quarterly*, Vol. 60, No. 4 (Dec., 1997), pp. 323-337.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1994. *Fiqh al-Zakat*. c. 21, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurtubi. 2006. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr bin Abd al-Qadir, 1986. *Mukhtar al-Sihhah*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Rida, Muhammad Rasid. 1368H. *Tafsir al-Manar*. Mesir: Dar al-Manar.
- Rusenko, R.M. 2014. "Homelessness, Human Insecurities, and the Government Agenda in Malaysia." *Asian Journal of Social Science* 42, no. 1-2, 47.
- Rustanto, B. 2015. *Menangani Kemiskinan*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Shelton, K.H., Taylor, P.J., Bonner, A. & van den Bree, M., 2009. "Risk factors for homelessness: evidence from a population-based study." *Psychiatric Services* 60(4):465-472.
- Al-Shirazi, Abu Ishaq, 1992. *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Sudhir, A., 1977. "Aspects of poverty in Malaysia." *Review of Income and Wealth* 23, no. 1, 4.
- Al-Ṭabarī, Abū Ja‘far Muḥammad ibn Jarīr, 1994. *Tafsir al-Tabari*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Tarimin, M. 2005. *Golongan Penerima Zakat. Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- ‘Ulaysh, Muhamad, 1984. *Sharh Minah al-Jalil ala Mukhtasar al-‘Allamah al-Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Usman, I.M.S., Mohamad Zain, M.F., Thahir, M.M. & Che Ani, A.I., 2016. "Keperluan Keselamatan Lorong Belakang Rumah Kedai Terhadap Konsep Bandar Selamat", *Journal of Design+ Built* 9, 1-8.
- Wallace, S.E. 1966. *Skid Row as a way of life*, Am J Public Health Nations Health. 56(5): 852.
- Wolch, J.R., Dear, M. & Akita, A. 1988."Explaining homelessness." *Journal of the American Planning Association* 54, no. 4, 445,
- Wratten, E., 1995. Conceptualizing urban poverty. *Environment and Urbanization* 7, no. 1, 14.
- YKNM. 2017. ‘Anjung singgah”, <https://www.yknm.org/hubungi-kami>, dicapai 16 Oktober 2017

**ISU-ISU
KONTEMPORARI**
dalam
**Zakat, Wakaf dan
Filantropi Islam**

"Bandingan (infaq) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah adalah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangai, tiap-tiap tangai itu pula mengandungi seratus biji, dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya." (al-Baqarah, 2 : 261)

Filantropi adalah rasa kasih seseorang kepada orang lain hingga melahirkan kesanggupan memberikan kebaikan secara sukarela tanpa bayaran dan paksaan. Dalam Islam, konsep ini telah wujud lebih awal melalui amalan sadaqah material seperti sadaqah wajib (seperti zakat), sadaqah sunat (derma infaq), sadaqah jariyah (wakaf) atau sadaqah spiritual seperti senyum, amal ma'ruf nahi munkar, kebaikan atau kesukarelawan. Malah, istilah sadaqah dalam Islam berkait rapat dengan terminologi material lain seperti hibah, hadiah, takaful, wasiat, faraid, pusaka dan sebagainya. Buku ini mengandungi lebih 60 topik tentang isu-isu kontemporari berkaitan amalan tersebut.

Kerjasama Strategik Penerbitan



جامعة التقانة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA
Akademi Pengajian Islam Kuantan
Academy of Contemporary Islam
Kuantan



UNIVERSITI
TENAGA
NASIONAL



Dengan Sokongan

BANK ISLAM



NAJAHUDIN LATEH ialah seorang penyelidik, penulis modul, perunding hartanah, webmaster dan usahawan internet. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam di Universiti al-Azhar, Egypt (1997), Diploma Pendidikan KPM (2000), Sarjana Hadith, Universiti Malaya (2004) dan Doktor Falsafah Syariah dan Muamalat, UiTM (2016). Kini beliau berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan bidang Muamalat dan Kewangan Islam di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam serta sebagai Ketua Seksyen Wakaf UiTM.



MUHAMAD RAHIMI OSMAN ialah Profesor Kewangan Islam di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya (1987), Sarjana Ekonomi Islam, Universiti Yarmuk, Jordan (1996) dan Doktor Falsafah Undang-undang (Kewangan Islam), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2007). Kini beliau berkhidmat sebagai Dekan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.



GHAFARULLAHUDDIN DIN ialah Profesor Madya di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Pembangunan dan Perancangan, Universiti Kebangsaan Malaysia (1985), Post Graduate Diploma Siswazah Syariah, UKM (1989), Sarjana Pengajian Islam/Ekonomi Islam, Universiti Sains Malaysia (1996) dan Doktor Falsafah Pengajian Islam/Ekonomi Islam, USM (2004). Kini beliau berkhidmat sebagai Ketua Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf, UiTM.



جامعة التقانة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GIFA
GLOBAL ISLAMIC FINANCE AWARD

ISBN 978-967-0171-79-1



9 78967 0171791